

06/03/1997

Dr M minta menteri tanam pokok

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta semua menteri menanam sekurang-kurangnya sebatang pokok selaras Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara yang dilancarkan Isnin lalu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata Perdana Menteri meminta semua menteri berbuat demikian sebagai contoh kepada rakyat dalam memastikan kejayaan kempen berkenaan.

Menurutnya, permintaan itu dibangkitkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pagi ini.

"Dr Mahathir menghabiskan hampir setengah jam menyentuh isu menanam pokok.

"Malah beliau meminta setiap menteri menanam sekurang-kurangnya satu atau dua batang pokok di kawasan masing-masing sebagai menyokong kempen berkenaan.

"Perdana Menteri berpendapat langkah itu boleh mendorong rakyat melakukan perkara yang serupa," katanya di sini, hari ini selepas menghadiri mesyuarat Kabinet.

Insin lalu, ketika melancarkan Program Menanam Pokok Kebangsaan, Dr Mahathir mahu aspek lanskap diwajibkan dalam setiap projek pembangunan dan meminta kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan menangani isu itu dengan serius.

Perdana Menteri berkata, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan mesti melengkapkan keupayaan organisasi dan kepakaran bagi menghasilkan mutu lanskap yang tinggi selain bijak dan profesional dalam merancang serta melanskap seluruh negara.

Pelancaran kempen bersepadu secara serentak di seluruh negara itu menandakan bermulanya usaha menanam pokok secara besar-besaran untuk mencapai matlamat tiga juta pokok pada 2000 dan 20 juta pokok pada 2020.

Law berkata, Kabinet juga mengarahkan kementerianya menyelaraskan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) berhubung pengeluaran pokok yang lebih berkesan.

Antaranya termasuk langkah mempercepatkan pertumbuhan pokok, mengkaji penggunaan baja dan tanah yang sesuai serta menghasilkan pokok bunga yang lebih berwarna-warni.

"Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) akan mengendalikan kajian terperinci itu dengan penyelarasan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar," katanya.

Menurut beliau, Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga akan membantu dalam melaksanakan program khusus berkaitan penanaman pokok jika diperlukan.

(END)